

MB Kedah minta Dr. M letak jawatan penasihat agensi kerajaan

KUALA NERANG 28 Okt. - Menteri Besar, Datuk Seri Mahdzir Khalid hari ini menyasarkan Tun Dr. Mahathir Mohamad melepaskan jawatan penasihat di beberapa agensi kerajaan jika beliau berhasrat untuk terus mengkritik Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Jika Tun hendak lanyak kerajaan juga, eloklah lepaskan semua jawatan itu dan jadi lah individu bebas yang tidak ada kena-mengena dengan kerajaan, barulah betul. Jika tidak, apa gunanya jadi penasihat," katanya.

"Pada masa Tun membuat kritikan terhadap kerajaan, beliau masih menjadi penasi-

hat kepada banyak agensi kerajaan seperti Petronas, Proton dan LADA (Lembaga Pembangunan Langkawi)," tambah Mahdzir.

- **Pemuda UMNO Terengganu mahu Dr. Mahathir keluar UMNO – Muka 3**

Sambil menyatakan beliau tidak lagi yakin dengan bekas Perdana Menteri itu, Mahdzir menganggap kritikan berterusan Dr. Mahathir terhadap pentadbiran Abdullah sebagai perbuatan seorang ahli UMNO yang melampaui batas.

Bercakap kepada pemberita pada majlis

rumah terbuka Hari Raya peringkat Dewan Undangan Negeri kawasan Pedu di Dewan Orang Ramai Pekan Naka anjuran beliau dekat sini, Mahdzir berkata:

"Masa Tun memerintah tiada orang berani mengkritik beliau. Dia guna kuasa dia, guna Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) tangkap orang dan sekarang dia kata negara ini telah menjadi negara polis."

Menteri Besar Kedah itu menganggap Dr. Mahathir bercakap bagi pihak orang lain apabila beliau menulis surat kepada media mengenai orang yang menentang Abdullah ditangkap dan projek mereka dibatalkan.

Katanya, kesediaan Abdullah untuk ditegur dan mengutamakan musyawarah dalam membuat keputusan adalah sikap terpuji dan ikhlas Perdana Menteri.

Bagaimanapun, tindakan Dr. Mahathir menghebahkan kepada umum beliau "bercakap seorang diri" selama satu setengah jam pada perjumpaan dengan Abdullah baru-baru ini seolah-olah mengugut Perdana Menteri yang tidak banyak bercakap.

"Tun perlu sedar perbuatannya (mengkritik) tidak pernah dibuat oleh bekas-bekas Perdana Menteri sebelum ini," kata Mahdzir.

Menteri Besar berkata, beliau yakin tinda-